

KHUTBAH JUMAAT

“MUHASABAH DIRI, PERKASA PERIBADI”

(12 Disember 2025M/ 21 Jamadilakhir 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا
بِالتَّقْوَى وَالْخُلُقِ الْكَرِيمِ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama menghiasi diri dengan takwa terhadap Allah *subhanahu wata'ala*. Pastikan setiap tindakan kita selari dengan tuntutan-Nya. Awasi diri daripada melanggar batasan dan tegahan-Nya. Mohonlah bantuan dan petunjuk Allah dalam setiap urusan kita, kerana Dialah sebaik-baik penjaga dan Dialah yang Maha Pengasih terhadap hamba-hamba-Nya. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* memberikan kita kelapangan hati dan ketetapan iman dalam melayari kehidupan.

Elakkan diri bermain-main dengan telefon dan berbual-bual dengan teman, serta segala tindakan yang boleh menghapuskan pahala Jumaat kita. Berikanlah sepenuh perhatian kepada khutbah yang

disampaikan. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk "***Muhasabah Diri, Perkasa Peribadi***".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Hari demi hari, silih berganti. Kini, penghujung tahun semakin menghampiri. Pada awal tahun ini, mungkin ada antara kita yang telah menetapkan matlamat-matlamat tertentu yang ingin dicapai sepanjang tahun ini. Namun, ada antara rancangan yang kita lakarkan masih belum tercapai sepenuhnya. Mungkin disebabkan kesibukan hidup atau pelbagai faktor lain yang telah mencuri tumpuan dan fokus kita daripada matlamat tersebut.

Dalam kesibukan ini, mungkin kita tidak sempat berhenti sejenak dan bertanya kepada diri sendiri satu soalan iaitu "Mengapa aku lakukan apa yang aku lakukan?" "Apakah tujuanku dalam kehidupan?" "Bagaimanakah perbuatan dan pekerjaanku pada setiap hari memberi kesan pada hari pembalasan?"

Inilah contoh-contoh muhasabah diri yang diperintahkan ke atas setiap insan yang beriman. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Al-Hasyr, ayat 18:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ
إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ (١٨)

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah (dengan melakukan suruhanNya dan meninggalkan larangan-Nya)*

dan hendaklah setiap orang memerhatikan apa-apa yang telah disediakan (daripada amalan mereka) untuk hari esok (akhirat) dan (sekali lagi diingatkan) bertaqwalah kepada Allah! Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui secara mendalam apa-apa yang kamu lakukan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sehebat mana pun pencapaian kita, pasti terdapat ruang untuk kita perbaiki. Namun, peluang ini akan terlepas jika kita terus tenggelam dalam kesibukan; tidak berhenti seketika untuk berfikir akan sudut manakah yang memerlukan usaha untuk kita perbaiki? Bagaimana kita boleh mengorak langkah seterusnya, agar matlamat kita dalam kehidupan kekal jelas dan tujuan baik kita tercapai?

Di sinilah pentingnya bagi setiap Muslim untuk bermuhasabah, iaitu menilai dirinya secara berterusan. Izinkan saya berkongsi dua perkara berkaitan muhasabah bagi menjawab soalan yang dilontarkan tadi:

Pertama: Muhasabah adalah proses penilaian diri yang mendalam yang menghidupkan hati Mukmin.

Imam Hasan al-Basri *rahimahullah* pernah berkata:

“Seorang mukmin sentiasa menilai dirinya dalam setiap perkara. Apa sahaja yang dilakukan, dia merasakan masih terdapat kekurangan, lalu dia menyesal dan menegur dirinya. Adapun orang yang lalai dan jahat, dia terus melangkah tanpa pernah mempersoalkan atau menegur dirinya.”

Sesungguhnya, muhasabah diri boleh menundukkan keegoan dan menunjukkan kekurangan diri. Sebagai contoh, mungkin kita, biasa melayani orang lain dengan baik di tempat awam, tetapi mungkin kurang sabar dengan ahli keluarga sendiri. Mungkin kita berupaya mempamerkan keperibadian dan amalan yang baik di khalayak ramai, tapi masih lagi melakukan dosa dengan bersahaja ketika berada jauh daripada pandangan manusia.

Kita beradab dengan orang yang sefahaman, yang berkongsi warna kulit dan budaya, namun tidak memberikan layanan yang sama kepada orang yang dianggap berbeza daripada kita, sedangkan kita semua hanya makhluk Ilahi.

Oleh itu, amalan bermuhasabah memastikan bahawa diri kita tidak terpedaya dengan sedikit kebaikan yang kita berjaya lakukan. Kerana pastinya, kita tidaklah sempurna dan masih ada banyak sudut diri yang dapat terus dipertingkatkan.

Kedua: Bermuhasabah demi pembangunan jiwa.

Apabila kita berhenti untuk bermuhasabah, merenungkan perbuatan dan pekerjaan kita, ada masanya kita merasa kesal dan kecewa apabila sesuatu matlamat baik masih tidak tercapai, atau ada sesuatu tabiat buruk yang belum berjaya ditinggalkan. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah *rahimahullah*, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud:

((Penyesalan adalah (permulaan) taubat)).

Rasa kesal adalah proses yang penting supaya kita dapat mengelak daripada melakukan kesalahan yang sama pada masa hadapan. Kita mungkin menyesal atas nikmat masa yang dibiarkan berlalu tanpa pengisian yang bermanfaat, atau nikmat kesihatan yang tidak dijaga sehinggalah setelah menghidap sesuatu penyakit. Rasa kesal ini seharusnya menjadi pendorong agar kita lebih sedar dan bertujuan jelas dalam setiap tindakan pada masa hadapan.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Muhasabah bukan sekadar proses memperbaiki kehidupan, ia juga adalah langkah mempersiapkan diri untuk Hari Perhitungan. Sesuai dengan kata-kata yang masyhur:

“Hitunglah diri kamu sebelum kamu dihitung (Allah pada akhirat kelak)”.

Ingatlah, setiap tindakan kita mempunyai timbangan di sisi Allah. Muhasabah membantu kita menjaga amanah di tempat kerja, beradab dalam bermasyarakat dan bersabar dalam menghadapi tekanan. Dengan muhasabah, kita melatih ihsan iaitu menyedari bahawa Allah *subhanahu wata'ala* sentiasa melihat kita.

Semoga dengan muhasabah diri yang berterusan, kita menjadi hamba Allah yang lebih sedar, lebih bersyukur dan lebih jelas dalam tujuan hidup yang penuh cabaran. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* memimpin setiap langkah kita menuju keredaan-Nya. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati tiga kesimpulan utama khutbah ini iaitu:

Pertama: Sehebat mana pun pencapaian kita, pasti terdapat ruang untuk kita menambahbaik dan mempertingkatkanannya.

Kedua: Muhasabah diri boleh menundukkan keegoan dan menunjukkan kekurangan diri untuk diinsafi dan diperbaiki.

Ketiga: Muhasabah bukan sekadar proses memperbaiki kehidupan, ia juga adalah langkah mempersiapkan diri untuk Hari Akhirat.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah az-Zumar, ayat 53:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
﴿قُلْ يَاعِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِنْ رَحْمَةِ اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا ۚ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ (٥٣)﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad), "Wahai sekalian hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa! Sesungguhnya Dia lah Yang Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim hujan ini, khatib menyeru agar kita sentiasa berwaspada dan mengikuti nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa dari masa ke masa sama ada yang berkaitan dengan kemungkinan banjir mahupun keadaan perairan untuk apa sahaja aktiviti.

Pada masa yang sama, istiqamahlah mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Inilah asas kestabilan, kemakmuran dan keharmonian Sarawak dan negara kita, Malaysia. Pastikan juga rezeki yang kita peroleh adalah halal lagi baik, kerana makanan yang halal adalah sumber keberkatan hidup. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَتَيْهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Hidup beragama bukan hanya pada ibadah, tetapi juga dengan menjauhi perkara yang merusakkan. Justeru, hendaklah kita menjauhkan diri dan keluarga daripada gejala penyalahgunaan dadah, perjudian dan segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ
وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan. Angkatlah segala penderitaan, kesedihan, peperangan dan permusuhan daripada mereka dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkan ilmu yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji, Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Hafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali wal Ikram, kekalkanlah perpaduan kami atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أُنِثْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.